

24/03/1998

Jamil Khair tanam padi secara komersil

Bahari Abdullah

KETIKA orang ramai sibuk memperkatakan pentingnya rakyat meningkatkan hasil pertanian untuk meningkatkan sumber pengeluaran negara, pesawah muda, Jamil Khair Ahad Rashidi, 35, tersenyum lebar.

Apa tidaknya, anak Kampung Talang Masjid, Kuala Kangsar, Perak itu kini mengusahakan tanaman padi secara komersil seluas lebih 64 hektar di beberapa kawasan bendang terbiar di daerah Kuala Kangsar.

Usaha itu bukti bahawa kerja lebih penting daripada bercakap kerana ramai bimbang masalah kegawatan ekonomi mengancam kestabilan kehidupan masyarakat dan negara akibat kejatuhan nilai ringgit yang memerlukan keprihatinan dan tindakan segera segenap lapisan masyarakat untuk menanganinya.

Selain usaha berjimat cermat ketika berbelanja sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, rakyat digalakkan menyertai sektor perusahaan, perniagaan, perladangan dan pertanian secara besar-besaran.

Semua usaha itu diharap meningkatkan taraf kehidupan rakyat, sekali gus membantu kerajaan menangani isu kemelut kegawatan ekonomi yang mengancam kehidupan masyarakat dan negara sekarang.

Sejak tiga tahun lalu kesedaran awal itu mendorong Jamil berusaha gigih menanam padi secara besar-besaran bermula dengan kawasan seluas 24 hektar di bendang terbiar di Kampung Talang Hulu dekat Kuala Kangsar.

Tanah sawah itu dipajak daripada 43 pemilik bendang Melayu dengan kadar bayaran sewa yang berpatutan.

"Ilham untuk membabitkan diri dalam bidang itu tercetus selepas menyedari bertambahnya keluasan tanah bendang terbiar berikutan kekurangan tenaga muda untuk mengusahakannya," katanya di Kuala Kangsar.

Menurutnya, petani yang tidak berminat mengusahakan sawah itu sudah tua dan tidak berdaya di samping pulangan pendapatan tidak menguntungkan.

Berikutan itu, beliau menanam azam kuat untuk menjadi petani muda yang berjaya bagi mendorong generasi muda lain membabitkan diri dalam sektor pertanian yang menjanjikan pendapatan lumayan serta menjamin masa depan.

Menurut Jamil, beliau menjalankan projek tanaman padi jenis MR 84 melalui sistem tabur terus dengan bantuan lima pekerja yang berpengalaman luas di bidang berkenaan berusia antara 30 hingga 40 tahun dengan gaji kontrak.

"Selain membantu kerajaan menangani isu bendang terbiar, projek itu sekali gus mampu memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

Kerja membajak sawah padi terbabit menggunakan dua traktor dan satu daripadanya terpaksa disewa daripada petani lain.

Jamil berkata, projek tanaman padi itu dijayakan secara berterusan dengan kini kerja menabur benih padi dijalankan untuk musim ketiga di kawasan tanah sawah seluas 64 hektar di Kampung Beluru.

"Tanah sawah terbiar itu dipajak selama lima tahun dan dijangka mengeluarkan hasil padi awal Julai depan," katanya.

Bermula dengan modal permulaan sebanyak RM65,000 dengan RM25,000 hasil pinjaman dan bantuan Jabatan Belia dan Sukan daerah, Jamil hanya menimba pengalaman melalui program lawatan sambil belajar anjuran Jabatan Pertanian ke sekitar kawasan persawahan atau jelapang padi di Kedah dan Sekinchan, Selangor.

Mengenai masalah, katanya, beliau pernah kerugian besar apabila 24

hektar sawahnya tidak dapat dituai selepas jentera memotong padi yang disewa rosak Disember lalu.

Beliau berharap agensi terbabit dapat menyediakan mesin jentuai yang baru untuk disewakan kepada pesawah padi di daerah itu.

Jamil mendapat galakan kuat isterinya, Zaini Nuruddin, 35, bagi menyara empat anak mereka dengan padinya dipasarkan kepada Beraspadi Nasional (Bernas) di Padang Kangar, Parit.

Beliau berhasrat meneruskan usaha menanam padi secara besar-besaran pada masa depan untuk meningkatkan taraf kehidupan di samping membantu usaha kerajaan menangani isu tanah terbiar di negara ini.

(END)